

قائمة الملاحق

ملحق رقم ١ : البيانات للسؤال الأول

Tajuk Kajian: Analisis Keperluan dalam Pembinaan Modul Debat Bahasa Arab Dalam Kalangan Pendebat Bukan Penutur Jati

Objektif: Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui kelemahan, keperluan dan cadangan kandungan yang sesuai untuk diletakkan dalam sesuatu pembentukan dan pembinaan Modul Debat Bahasa Arab menurut pandangan pihak tuan sebagai jurulatih debat yang berpengalaman.

Respondent 1:

Bekas jurulatih debat bahasa Arab, UIAM Pagoh

Tahun 2018

Bolehkah anda menerangkan faedah perbahasan/perdebatan dalam penguasaan bahasa arab?	Boleh tiada masalah. Pada pendapat saya dengan berdebat, kita dapat menambahkan lagi kosa kata bahasa arab sewaktu membuat pencarian tentang sesuatu usul dan isu semasa. Selain itu, kita juga dapat menambah baik percakapan dalam bahasa arab kerana papatah bahasa arab pernah mengatakan " من لا يتكلم لا يتعلم ". Percaya atau tidak, di Malaysia para pelajar bahasa arab kurang mahir dalam bercakap bahasa arab kerana mereka tidak mempraktikkan bercakap bahasa arab di luar sesi PDP. Oleh itu, berdebat adalah salah satu mekanisme yang baik utk melatih diri bercakap bahasa arab hingga fasih.
--	--

Respondent 2:

Bekas jurulatih debat bahasa Arab, UIAM Pagoh

Tahun 2019-2021

Bolehkah anda menerangkan faedah perbahasan/perdebatan dalam penguasaan bahasa arab?	Secara peribadi, perdebatan mendatangkan banyak faedah terutama sekali dalam penguasaan bahasa arab. Tidak dapat
--	--

	<p>dinafikan, untuk menguasai bahasa asing kita perlu mahir dalam kemahiran berbahasa atau kemahiran komunikasi. Kemahiran ini boleh dikuasai dengan penglibatan yang baik dalam perdebatan. Pada pandangan saya, antara faedah perbahasan/perdebatan ialah menambah keyakinan untuk bercakap bahasa arab. Umum perlu tahu, tidak semua pelajar yang belajar bahasa asing itu semuanya mampu bercakap dan berkomunikasi bahasa yang dipelajari dengan baik. Namun, berdasarkan pengalaman dan pemerhatian saya, perbezaan yang agak ketara boleh dilihat oleh seseorang yang mempunyai pengalaman berdebat bahasa arab dan tidak menyertai debat bahasa arab. Tidak dapat dinafikan seseorang pendebat mampu menggunakan bahasa yang dipelajari dengan lebih yakin.</p>
--	---

Respondent 3:

Jurulatih debat bahasa arab di UIAM Kuantan

<p>Bolehkah anda menerangkan faedah perbahasan/perdebatan dalam penguasaan bahasa arab?</p>	<p>Pada hemat saya, kelebihan perbahasan dalam bahasa arab membantu dalam meningkatkan tahap penguasaan bahasa Arab individu termasuk peningkatan kefasihan, keupayaan untuk mengaplikasikan tatabahasa dengan betul, dan memperkaya kosa kata melalui pengucapan yang bersifat spontan dalam melontarkan idea bantakan dan hujah.</p>
---	--

Respondent 4:

Jurulatih debat bahasa arab di SMAPL

<p>Bolehkah anda menerangkan faedah perbahasan/perdebatan dalam penguasaan bahasa arab?</p>	<p>Baiklah, sejujurnya banyak faedah yang boleh seseorang individu peroleh dalam menguasai bahasa arab melalui perdebatan. Pertama sekali, perdebatan menggalakkan seseorang untuk mempelbagaikan sumber rujukan daripada pelbagai bahasa seperti bahasa</p>
---	--

	<p>Melayu, English dan Arab untuk dijadikan sebagai isi kandungan hujah dalam sesuatu perdebatan. Kedua, perdebatan juga boleh menambahkan kosa kata dan vocabs bagi perkataan bahasa arab yang akan digunakan oleh pendebat sewaktu perdebatan. Ketiga, perdebatan menggalakkan kelancaran dan keyakinan dalam ucapan bagi seorang pendebat. Dalam menguasai bahasa arab keyakinan dan kelancaran untuk bertutur dalam bahasa arab adalah penting dalam menjadi asas kepada pendebat yang baik. Keempat, perdebatan juga membolehkan perbincangan sesama ahli kumpulan dalam memperkukuh penggunaan bahasa arab dalam ucapan. Ahli kumpulan boleh dijadikan sebagai salah satu rujukan dalam memperoleh perkataan atau ayat ayat dalam bahasa arab dengan mudah. Akhir sekali, perdebatan membolehkan pendebat untuk menjadi kreatif dalam mempermudah cara mereka menguasai bahasa arab ketika berdebat sama ada melalui bahan bacaan, menonton video atau berlatih bersama dengan kawan-kawan yang lain.</p>
--	---

Respondent 5:

Pensyarah Kanan

Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Arab,

Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan Abdulhamid AbuSulayman

Merangkap Jurulatih Debat Bahasa Arab UIAM Gombak

	<p>Saya boleh simpulkan jawapan ini dengan 4 faedah, yang saya kira sangat penting dalam debat dan menonjol terhadap pelajar yang "join" debat. Pertama, faedah dari sudut bahasa. Pelajar dapat praktikkan kemahiran asas dalam bahasa arab. Contohnya kemahiran membaca dalam bahasa arab. Kemudiannya, pelajar akan banyak mendengar ketika dia berhujah dan obviously, ketika dia bercakap dan menulis. Debat ni</p>
--	--

	<p>menggunakan semua kemahiran bahasa. Jadi, orang yang menggunakan kesemua kemahiran bahasa ini, insya Allah dia akan menguasai kemahiran bahasa berbanding pelajar yang hanya menulis dan membaca sahaja. Jadi penguasaan mereka agak terhad bagi yang tak join debat. Kedua adalah dari sudut kandungan. Contoh bilamana mereka dapat menguasai pelbagai topik. Dia tidak ada topik khusus bila dah join debat. Ada isu ekonomi, isu kesihatan, politik dan undang-undang. Semua topik perlu tahu dan baca. Jadi, mereka ni sedikit luas pengetahuannya. Namun, luas pengetahuan tidak mencukupi, debat juga membantu untuk dapat faedah kognitif. Untuk mereka asah kemahiran berfikir. Orang yang ada pengetahuan luas mungkin tak memadai, mereka mungkin tak boleh berfikir secara kritis. Mereka tidak boleh membuat kesimpulan daripada hasil bacaan mereka. Mereka hanya mampu mengumpul maklumat sahaja. Bila dia bentangkan, mungkin akan jadi satu isu apabila dia tidak berjaya untuk membuat kesimpulan. Sebab itu, debat ini mampu asah kemahiran kognitif pelajar, ia buat pelajar mampu berfikir dengan menggabungkan beberapa maklumat yang dia ketahui dan merumuskan maklumat tersebut secara kritis. Faedah keempat, soft skill. Debat mampu meningkatkan keyakinan diri semasa bercakap di khalayak ramai dan ini sangat penting bagi pelajar universiti dan pelajar sekolah untuk elakkan dari language anxiety dan barrier. Kelemahan ini boleh diatasi dengan debat, insya Allah mereka takde masalah dengan itu.</p>
--	---

ملحق رقم ٢: البيانات للسؤال الثاني

Tajuk Kajian: Analisis Keperluan dalam Pembinaan Modul Debat Bahasa Arab Dalam Kalangan Pendebat Bukan Penutur Jati

Objektif: Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui kelemahan, keperluan dan cadangan kandungan yang sesuai untuk diletakkan dalam sesuatu pembentukan dan pembinaan Modul Debat Bahasa Arab menurut pandangan pihak tuan sebagai jurulatih debat yang berpengalaman.

Respondent 1:

Bekas jurulatih debat bahasa Arab, UIAM Pagoh

Tahun 2018

Apakah cabaran yang anda, sebagai jurulatih, hadapi dalam mengajar perbahasan kepada pelajar bahasa Arab sebagai bahasa kedua?	Antara cabaran yang saya hadapi adalah para pelajar agak takut untuk berdebat dalam bahasa arab kerana bagi mereka berdebat adalah di luar kemampuan mereka. Hal ini mengakibatkan kurangnya minat dan penyertaan daripada pelajar untuk menyertai pertandingan debat. Selain itu, bagi saya sebagai jurulatih. Latihan yang diberikan tidak mampu mencapai matlamat kelab debat bahasa arab iaitu untuk melahirkan pendebat yang fasih dan juga mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi kerana kami tidak mempunyai modul untuk diberikan kepada para pelaja. Latihan yang diberikan hanya berdasarkan pengalaman semasa saya dalam pertandingan dan juga merupakan asas dalam berdebat seperti pendahuluan fam gerak kerja pendebat.
--	---

Respondent 2:

Bekas jurulatih debat bahasa Arab, UIAM Pagoh

Tahun 2019-2021

Apakah cabaran yang anda, sebagai jurulatih, hadapi dalam mengajar perbahasan kepada	Sebagai jurulatih, saya dapat melihat pelajar akan teragak-agak untuk melontarkan idea dalam bahasa Arab. Perdebatan itu sendiri
--	--

<p>pelajar bahasa Arab sebagai bahasa kedua?</p>	<p>merupakan satu kemahiran yang memerlukan masa untuk dibina. Fasih bertutur dalam bahasa Arab juga memerlukan masa dan usaha berterusan. Dua perkara jika dilihat cukup besar dan penting untuk debat bahasa Arab. Justeru itu, cabaran yang saya terima sebagai jurulatih ialah mengaplikasikan teknik-teknik latihan debat yang sesuai bagi pelajar untuk sentiasa yakin diri dan berusaha secara berterusan demi menguasai dan mahir dalam debat bahasa arab.</p>
--	--

Respondent 3:

Jurulatih debat bahasa arab di UIAM Kuantan

<p>Apakah cabaran yang anda, sebagai jurulatih, hadapi dalam mengajar perbincangan kepada pelajar bahasa Arab sebagai bahasa kedua?</p>	<p>Cabaran yang saya hadapi sebagai jurulatih ialah mengatasi perbezaan latar belakang budaya dan pemahaman bahasa Arab pelajar, serta membantu mereka mengatasi kekurangan dalam penggunaan tatabahasa.</p>
---	--

Respondent 4:

Jurulatih debat bahasa arab di SMAPL

<p>Apakah cabaran yang anda, sebagai jurulatih, hadapi dalam mengajar perbincangan kepada pelajar bahasa Arab sebagai bahasa kedua?</p>	<p>Sebagai jurulatih yang mengajar pendebat-pendebat muda,, cabaran dalam mengajar perbincangan kepada pelajar sudah pastinya akan ada. Pertama sekali, kekurangan rujukan dan format perdebatan dalam bahasa arab yang tersedia untuk pendebat-pendebat muda khususnya di malaysia merupakan antara cabaran yang saya hadapi ketika melatih pendebat muda. Kedua, menjadi cabaran juga untuk saya memupuk minat dan keyakinan yang berterusan sepanjang proses mempelajari perdebatan untuk pendebat-pendebat muda. Masih ramai yang berasa tidak yakin dan takut untuk bertutur dalam bahasa arab kerana risau akan gagap dan tidak lancar. Malah ramai juga yang tarik diri disebabkan berasa tidak yakin dan takut. Ketiga, kekurangan pertandingan debat</p>
---	---

	<p>bahasa arab peringkat tempatan juga merupakan cabaran saya dalam mendedahkan pelajar dalam dunia perdebatan. Kebanyakan pertandingan adalah berperingkat antarabangsa dan memerlukan kos yang tinggi. Jadi menjadi kekangan dan cabaran untuk mendedahkan pendebat-pendebat muda suasana perdebatan dengan lebih kerap. Akhir sekali, isu kos dan kewangan. Sebagai jurulatih, saya merasakan bayaran yang diberikan kepada saya juga agak terhad disebabkan oleh peruntukan yang rendah untuk pasukan debat bahasa arab. Disebabkan rujukan bagi debat bahasa arab tempatan agak terhad maka kadangkala saya perlu mendapatkan bantuan juga dan rujukan daripada kawan-kawan saya yang lain. Sedikit upah juga diberikan kepada mereka sebagai tanda penghargaan.</p>
--	---

Respondent 5:

Pensyarah Kanan

Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Arab,

Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan Abdulhamid AbuSulayman

Merangkap Jurulatih Debat Bahasa Arab UIAM Gombak

<p>Apakah cabaran yang anda, sebagai jurulatih, hadapi dalam mengajar perbincangan kepada pelajar bahasa Arab sebagai bahasa kedua?</p>	<p>Cabaran pertama, of course lah cabaran bahasa. Maksudnya, agak sukar untuk kita mengajar sebab kadang-kadang jurulatih ni kita perlu amik kira banyak benda. Contohnya kita kena take note tentang aspek persembahan dia, maklumat dia, hujah dia, dan bahasa dia. Kadang-kadang saya sendiri akan tend untuk biarkan dia latih sendiri bahasa dia. Nanti pandai la dia improve, sampai saya lupa nak tegur bahasa dia kadang-kadang. Saya selalunya akan perbaiki kemudian sebab bagi saya, saya kena perbaiki isi dia, cara berfikir. Tapi saya akui, lama kelamaan, kalau perkara ini tak dirawat dari awal, kesalahan bahasa tu akan bertambah dan susah nak tegur atau betulkan. Sebab</p>
---	--

	<p>mereka akan tendency untuk ulang kesalahan yang sama, sebab dah terlalu dibiasakan. Sebab tu, cabaran bahasa ni memang sangat sukar sebab saya kena seimbangkan aspek hujah, kemahiran berfikir dan kemahiran bahasa tu. Keduanya, isu kehadiranlah. Ini memang sukar untuk kita kawal dan pastikan mereka konsisten untuk hadir latihan. Memang sukar.</p>
--	--



Tajuk Kajian: Analisis Keperluan dalam Pembinaan Modul Debat Bahasa Arab Dalam Kalangan Pendebat Bukan Penutur Jati

Objektif: Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui kelemahan, keperluan dan cadangan kandungan yang sesuai untuk diletakkan dalam sesuatu pembentukan dan pembinaan Modul Debat Bahasa Arab menurut pandangan pihak tuan sebagai jurulatih debat yang berpengalaman.

Respondent 1:

Bekas jurulatih debat bahasa Arab, UIAM Pagoh

Tahun 2018

<p>Pada pendapat anda, adakah pelajar debat menghadapi kesukaran atau masalah dalam debat? Apa itu?</p>	<p>Pada pendapat saya, pelajar debat menghadapi kesukaran dalam berdebat. Antara kesukaran tersebut adalah para pendebat bahasa arab agak takut untuk berdebat sewaktu latihan. Hal ini kerana, sewaktu berdebat mereka bimbang mereka tidak mampu bertutur dengan fasih dalam bahasa arab dengan menggunakan tatabahasa dan kosa kata yang betul. Mereka juga risau tidak mampu untuk bercakap secara spontan sewaktu berdebat. Tambahan lagi, mereka juga kurang memahami bagaimana untuk membidas hujah yang disampaikan dari pihak lawan mengakibatkan bidasan tersebut hanya first layer dan tidak mampu menolak hujah yang diutarakan oleh pihak lawan.</p>
---	---

Respondent 2:

Bekas jurulatih debat bahasa Arab, UIAM Pagoh

Tahun 2019-2021

<p>Pada pendapat anda, adakah pelajar debat menghadapi kesukaran atau masalah dalam debat? Apa itu?</p>	<p>Sudah semestinya. Antara kesukaran yang dihadapi oleh pelajar dalam debat termasuklah takut melakukan kesalahan ketika bercakap arab terutama dari segi tatabahasa. Pada peringkat awal menyertai</p>
---	--

	<p>latihan debat, pelajar akan menghadapi cabaran untuk mula bercakap dan berdebat dalam bahasa Arab. Pelajar terlalu takut melakukan kesilapan tatabahasa semasa bercakap dan dalam masa yang sama kurang keyakinan untuk berdebat. Perdebatan yang menggunakan bahasa Arab juga menjadi cabaran besar untuk penutur bukan jati walaupun mereka merupakan pelajar bahasa Arab. Selain itu, sukar memberi komitmen dan tidak konsisten mengasah kemahiran debat. Debat memerlukan latihan begitu juga penggunaan bahasa asing perlu dipraktikkan. Tugasan 'assignment' yang banyak, program-program university dan latihan yang dirasakan tidak menarik mungkin menjadi faktor kurang komitmen dan usaha yang tidak konsisten pelajar. Akibatnya, pelajar akan menghadapi kekurangan waktu latihan dan semangat yang rendah untuk berdebat.</p>
--	---

Respondent 3:

Jurulatih debat bahasa arab di UIAM Kuantan

<p>Pada pendapat anda, adakah pelajar menghadapi kesukaran atau masalah dalam debat? Apa itu?</p>	<p>Pelajar debat sering menghadapi kesukaran dalam mengatur hujah dengan mantap, berfikiran kreatif dan kritis secara spontan, dan memahami isu-isu kompleks dengan mendalam.</p>
---	---

Respondent 4:

Jurulatih debat bahasa arab di SMAPL

<p>Pada pendapat anda, adakah pelajar debat menghadapi kesukaran atau masalah dalam debat? Apa itu?</p>	<p>Sepanjang pengalaman saya sebagai jurulatih, banyak keluhan yang saya dengar daripada pelajar-pelajar saya berkenaan kesukaran yang mereka hadapi dalam perdebatan. Pertama sekali, kehilangan idea dan perkataan ketika perbincangan dan perdebatan. Hal ini secara tidak langsung akan membuatkan mereka menjadi tidak yakin dan takut dalam</p>
---	---

	<p>pengucapan mereka. Kedua, kesukaran untuk mendapatkan rujukan yang banyak dan mencukupi. Kebanyakan rujukan yang dirujuk oleh pendebat adalah menerusi video yang panjang dan agak kompleks. Ketiadaan modul bantu belajar menyukarkan lagi proses perdebatan. Ketiga, masalah komitmen dalam menghadiri latihan. Disebabkan oleh komitmen akademik yang agak banyak, perkara ini turut menjejaskan beberapa pelajar untuk menghadiri latihan. Tambahan pula, ada pelajar yang bukan daripada jurusan bahasa arab contohnya seperti jurusan farmasi, sains matematik dan lain-lain, maka beban tugas yang ditanggung juga berbeza-beza. Keempat, masalah keyakinan dalam pengucapan. Keyakinan dalam ucapan adalah perlu dalam sesuatu perdebatan. Namun para pendebat masih takut untuk bercakap dengan yakin kerana mereka sedar betapa mereka sedang dinilai oleh barisan juri dan mereka didengari oleh orang ramai. Akhir sekali, kurang sokongan dan motivasi daripada kawan dan keluarga. Sudah menjadi stigma betapa sukar untuk bukan penutur jati bahasa arab pastinya sukar untuk memenangi pertandingan debat bahasa arab. Disebabkan stigma-stigma ini ada pelajar yang berasa kurang semangat dan tidak bermotivasi untuk memasuki dan mewakili pasukan debat bahasa arab.</p>
--	---

Respondent 5:

Pensyarah Kanan

Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Arab,

Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan Abdulhamid AbuSulayman

Merangkap Jurulatih Debat Bahasa Arab UIAM Gombak

<p>Pada pendapat anda, adakah pelajar debat menghadapi kesukaran atau masalah dalam debat? Apa itu?</p>	<p>Ya, ada kesusahan yang dihadapi oleh pelajar dan pendebat. Pertamanya, masalah yang saya kira sangat-sangat tidak dapat dikuasai kecuali mereka yang pernah mewakili</p>
---	---

	<p>universiti. Masalahnya adalah apabila mereka tak boleh menganalisis maklumat dengan menyeluruh dan memahami kehendak usul atau topik. Masalah tidak boleh menganalisis isu ni kebanyakannya akan selalunya didapati dalam kalangan mereka. Kadang pemikiran mereka terlalu sempit dan tidak melihat secara menyeluruh, atau tidak mencakupi isu yang sepatutnya diberikan perhatian. Bagaimana ingin menjadikan sesuatu topik itu seolah-olah macam difahami dan dibincangkan. Kebanyakan mereka hanya bincang secara surface. Jadi memang mereka kena banyak membaca untuk atasi masalah ni. Yang keduanya adalah dari sudut kefahaman dalam kalangan ahli kumpulan. Jadi, kalau kehadiran pun tak memberangsangkan, bagaimana mereka nak membentuk satu chemistry sesama mereka. Jadi, ia akan menyebabkan ada percanggahan idea atau takde kesinambungan idea antara satu sama lain. Yang terakhir, kesukaran dari sudut bahasalah. Bahasa ni kita kena akui ia susah sebab bahasa arab ni bukan bahasa ibunda kita.</p>
--	--

Tajuk Kajian: Analisis Keperluan dalam Pembinaan Modul Debat Bahasa Arab Dalam Kalangan Pendebat Bukan Penutur Jati

Objektif: Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui kelemahan, keperluan dan cadangan kandungan yang sesuai untuk diletakkan dalam sesuatu pembentukan dan pembinaan Modul Debat Bahasa Arab menurut pandangan pihak tuan sebagai jurulatih debat yang berpengalaman.

Respondent 1:

Bekas jurulatih debat bahasa Arab, UIAM Pagoh

Tahun 2018

Pada pendapat anda, adakah pendebat bukan penutur jati bahasa Arab memerlukan modul latihan khas untuk perbahasan?	Bagi pendapat saya, pendebat bukan penutur jati bahasa arab sangat memerlukan modul latihan khas untuk menambahbaik kemahiran berdebat mereka sekali gus mencapai matlamat pertubuhan kelab debat.
--	--

Respondent 2:

Bekas jurulatih debat bahasa Arab, UIAM Pagoh

Tahun 2019-2021

Pada pendapat anda, adakah pendebat bukan penutur jati bahasa Arab memerlukan modul latihan khas untuk perbahasan?	Pada hemat saya, ya.
--	----------------------

Respondent 3:

Jurulatih debat bahasa arab di UIAM Kuantan

Pada pendapat anda, adakah pendebat bukan penutur jati bahasa Arab memerlukan modul latihan khas untuk perbahasan?	Pendebat bukan penutur jati bahasa Arab sememangnya memerlukan modul latihan khas untuk mengasah kefasihan lisan dan penulisan dalam konteks debat.
--	---

Respondent 4:

Jurulatih debat bahasa arab di SMAPL

Pada pendapat anda, adakah pendebat bukan penutur jati bahasa Arab memerlukan modul latihan khas untuk perbahasan?	Sudah semestinya, modul latihan khas untuk perdebatan bagi pendebat bukan penutur jati bahasa arab adalah perlu. Hal ini untuk memberikan panduan dan tatacara perdebatan bahasa arab yang jelas dan standard bagi setiap peringkat umur dan kategori.
--	--

Respondent 5:

Pensyarah Kanan

Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Arab,

Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan Abdulhamid AbuSulayman

Merangkap Jurulatih Debat Bahasa Arab UIAM Gombak

Pada pendapat anda, adakah pendebat bukan penutur jati bahasa Arab memerlukan modul latihan khas untuk perbahasan?	Of course, saya akan jawab “نعم”. Ya mereka perlukan modul debat arab. بالتأكيد.
--	--

Tajuk Kajian: Analisis Keperluan dalam Pembinaan Modul Debat Bahasa Arab Dalam Kalangan Pendebat Bukan Penutur Jati

Objektif: Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui kelemahan, keperluan dan cadangan kandungan yang sesuai untuk diletakkan dalam sesuatu pembentukan dan pembinaan Modul Debat Bahasa Arab menurut pandangan pihak tuan sebagai jurulatih debat yang berpengalaman.

Respondent 1:

Bekas jurulatih debat bahasa Arab, UIAM Pagoh

Tahun 2018

Pada pendapat anda, apakah kemahiran atau kebolehan bahasa yang harus dikuasai oleh pendebat bukan penutur bahasa Arab?	Pada pendapat saya, antara kemahiran asas yang harus dikuasai oleh mereka adalah kemahiran mendengar, berfikir aras tinggi dan kemahiran bercakap.
---	--

Respondent 2:

Bekas jurulatih debat bahasa Arab, UIAM Pagoh

Tahun 2019-2021

Pada pendapat anda, apakah kemahiran atau kebolehan bahasa yang harus dikuasai oleh pendebat bukan penutur bahasa Arab?	Pada pendapat saya, kemahiran bercakap, kemahiran berfikir aras tinggi, kemahiran membaca, kemahiran mendengar dalam bahasa Arab merupakan kemahiran yang sangat penting untuk dikuasai oleh pendebat bukan penutur jati bahasa Arab. Debat sangat menuntut seseorang untuk mempunyai kemahiran pengucapan awam yang baik. Sebagai bukan penutur jati, seseorang perlu mahir menggunakan bahasa dan istilah-istilah yang betul ketika bercakap. Untuk menjadi penutur jati bahasa Arab yang fasih, seseorang perlulah menguasai kemahiran bercakap dalam bahasa Arab. Seterusnya, kemahiran berfikir aras tinggi. Sebagai pendebat, proses berfikir aras tinggi tidak hanya terhad semasa pertandingan. Kemahiran ini perlu sentiasa
---	--

	<p>diasah setiap masa dan diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Sebagai contoh, seseorang pendebat perlu cakna dengan isu semasa atau pengetahuan umum seterusnya melatih diri untuk sentiasa melihat isu dari perspektif yang pelbagai. Jika kemahiran ini diaplikasikan setiap hari, tidak mustahil kemahiran ini dapat dikuasai dengan baik. Selain itu, pendebat juga perlu membaca sebanyak mungkin bahan bacaan dan isu-isu semasa bagi menambah nilai dan pengetahuan semasa. Semasa membaca, pendebat bukan sahaja akan menambah ilmu pengetahuan, malah istilah-istilah tertentu yang digunakan dalam bahasa arab juga dapat ditambah. Hal ini secara tidak langsung akan menambah keyakinan dan kemahiran seseorang pendebat bukan penutur jati bahasa Arab. Di samping itu, saya merasakan kemahiran mendengar juga penting lebih-lebih lagi semasa sesi perdebatan sedang berlangsung. Sebutan perkataan yang terkadang tidak jelas dan laju boleh menyebabkan pendebat tidak dapat menangkap perkataan yang disebutkan oleh pihak lawan. Namun, penguasaan kosa kata yang meluas ditambah dengan kemahiran mendengar yang baik menambah keyakinan seseorang untuk terus menguasai sesi perdebatan.</p>
--	---

Respondent 3:

Jurulatih debat bahasa arab di UIAM Kuantan

<p>Pada pendapat anda, apakah kemahiran atau kebolehan bahasa yang harus dikuasai oleh pendebat bukan penutur bahasa Arab?</p>	<p>Kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis perlu dikuasai oleh pendebat bukan penutur bahasa Arab, dengan penekanan khusus pada tatabahasa dan ungkapan menarik bahasa arab. Pendebat juga harus menguasai kemahiran mengolah sesuatu idea dalam debat untuk diterjemahkan ke bahasa arab secara pantas.</p>
--	--

Respondent 4:

Jurulatih debat bahasa arab di SMAPL

<p>Pada pendapat anda, apakah kemahiran atau kebolehan bahasa yang harus dikuasai oleh pendebat bukan penutur bahasa</p>	<p>Pertama sekali, kemahiran pengucapan awam. Kemahiran ini penting bagi memastikan intipati ucapan diberikan secara berkesan, elemen ekspresi wajah, gaya tubuh, intonasi suara, kontak mata dan penjiwaan adalah beberapa elemen penting yang perlu dikuasai. Kedua, kemahiran mendengar. Mendengar dengan baik ucapan setiap ahli yang berdebat membolehkan pendebat untuk memberikan respons dalam sesuatu perdebatan secara baik dan selari tanpa sebarang unsur tersasar atau menyimpang dari fokus perdebatan. Ketiga, kemahiran merancang dan menulis intipati tajuk perdebatan. Dalam waktu yang singkat, penting untuk pendebat membina hujah atau isi perdebatan dengan cepat dan mudah. Perletakan isi dan contoh hujah juga penyusunan idea perlu dititikberatkan supaya penyampaian isi menjadi lancar. Keempat, kemahiran mencari maklumat. Terdapat pelbagai sumber yang boleh digunakan dalam penghujahan sama ada sumber tradisional seperti buku dan akhbar atau sumber kontemporari seperti laman sesawang dan lain-lain. Maka penting untuk mendapatkan maklumat yang sahih. Akhir sekali, kemahiran kepimpinan dan kerjasama. Dalam perdebatan penting untuk wujud persefahaman dan kesepakatan dalam kumpulan. Ketua kumpulan berperanan dalam mengetuai dan membimbing tugas dan peranan setiap ahli kumpulan. Setiap ahli kumpulan perlu memberikan idea dan saling kerjasama membantu ahli yang kebuntuan atau menghadapi masalah sepanjang perdebatan.</p>
--	---

Respondent 5:

Pensyarah Kanan

Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Arab,

<p>Pada pendapat anda, apakah kemahiran atau kebolehan bahasa yang harus dikuasai oleh pendebat bukan penutur bahasa Arab?</p>	<p>Dalam kemahiran bahasa ini dan penguasaan bahasa atau kemampuan bahasa. Of course, semua kemahiran bahasa perlu dikuasai. Kemahiran mendengar, bertutur, menulis dan bercakap. Kemudian dari segi kemampuan bahasa yang perlu mereka ada ialah pertama, laras bahasa debat itu sendiri. Pendebat yang baik akan sentiasa memperbaharui atau menambah bukan sekadar kosa kata tapi ungkapan debat yang biasa dituturkan oleh orang arab itu sendiri. Jadi, saya apabila mengajar subjek debat dalam kelas koko atau dalam latihan kelab debat ini sendiri, saya akan minta pelajar untuk menganalisis video-video debat orang arab dan menulis ungkapan itu. Contoh ungkapan untuk membidas macam mana, ungkapan untuk berhujah macam mana. Ungkapan untuk bertanya sesuatu, macam mana. Sebab tu mereka harus meniru dan mengikuti laras bahasa debat tu sendiri. Yang kedua ialah, kemahiran pembinaan ayat. Mereka harus tahu membina ayat dengan baik, takleh sekadar bina ayat ikut apa yang dia rasa dan selesa. Sekalipun orang faham, tapi mungkin dari sudut nahu, ia salah. Jadi, mereka akan lambat improve bahasa mereka.</p>
--	---

Tajuk Kajian: Analisis Keperluan dalam Pembinaan Modul Debat Bahasa Arab Dalam Kalangan Pendebat Bukan Penutur Jati

Objektif: Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui kelemahan, keperluan dan cadangan kandungan yang sesuai untuk diletakkan dalam sesuatu pembentukan dan pembinaan Modul Debat Bahasa Arab menurut pandangan pihak tuan sebagai jurulatih debat yang berpengalaman.

Respondent 1:

Bekas jurulatih debat bahasa Arab, UIAM Pagoh

Tahun 2018

Apakah ciri dan strategi penguasaan bahasa untuk digunakan oleh pendebat yang berjaya?	Strategi penguasaan bahasa untuk digunakan oleh pendebat berjaya adalah banyakkn membaca tentang sesuatu isu dalam bahasa arab. Selain itu, mereka juga perlu memperbanyak menonton video debat yang sesuai.
--	--

Respondent 2:

Bekas jurulatih debat bahasa Arab, UIAM Pagoh

Tahun 2019-2021


Apakah ciri dan strategi penguasaan bahasa untuk digunakan oleh pendebat yang berjaya?	Antara strategi penguasaan bahasa pendebat yang berjaya: <ol style="list-style-type: none">1) Penguasaan kosa kata yang luas. Pendebat bahasa arab yang baik mestilah menguasai kosa kata yang banyak. Selain mampu menggunakan perkataan yang tepat dan fasih berbicara, penguasaan kosa kata yang baik juga menzahirkan keyakinan yang tinggi buat pendebat bahasa arab bukan penutur jati.2) Kemahiran berfikir aras tinggi. Pendebat yang baik tidak boleh lari daripada berfikir dalam masa yang
--	---

	<p>singkat dengan kemahiran yang sangat tinggi. Jika bercakap hanya sekadar membalas ayat lawan, itu sama sahaja dengan sekadar berborak. Hujah dan bidasan yang matang datang dari seni berfikir yang baik, rasional dan kreatif.</p> <p>3) Kemahiran pengucapan awam yang baik. Debat ialah seni. Seni menuntut seseorang untuk berkarya dengan kemampuan dan identiti masing-masing. Dengan persediaan hujah-hujah debat yang baik ditambah dengan aura dan persembahan individu yang baik sudah tentu mempamerkan pendebat ialah pendebat yang cemerlang.</p>
--	---

Respondent 3:

Jurulatih debat bahasa arab di UIAM Kuantan

<p>Apakah ciri dan strategi penguasaan bahasa untuk digunakan oleh pendebat yang berjaya?</p>	<p>Ciri dan strategi penguasaan bahasa yang penting termasuk kefasihan dalam mengemukakan hujah, kebolehan merangka hujah yang konsisten, serta upaya berterusan dalam memperbaiki kelemahan bahasa</p>
---	---



Respondent 4:

Jurulatih debat bahasa arab di SMAPL

<p>Apakah ciri dan strategi penguasaan bahasa untuk digunakan oleh pendebat</p>	<p>Terdapat beberapa ciri dan strategi yang perlu dikuasai oleh pendebat. Pertama, pendebat perlu menguasai Bahasa Arab dari segi tatabahasa, pembinaan ayat dengan cepat yang berasaskan idea, pemilihan perkataan berkaitan dengan tajuk. Kedua, adalah kemahiran pengucapan awam, lantunan suara, gaya, keyakinan, kadar pertuturan dan teknik menarik minat penonton dan juri. Ketiganya, kemahiran perdebatan termasuk kemahiran memahami dan membedah tajuk, membaca fakta berkaitan dan membina perspektif berbeza pada suatu isu. Keempat, latihan dan perbincangan juga perlu dilakukan dalam bahasa Arab. Hal ini akan lebih mendedahkan dan membiasakan pendebat bukan jati bahasa arab untuk menguasai bahasa arab dengan lebih baik. Kelima, kemahiran mengenal pasti kelemahan dan kelebihan diri sendiri menerusi video refleksi. Pendebat boleh merakam video ucapan masing-masing dan menonton semula rakaman untuk menambah baik mutu ucapan dan persembahan. Akhir sekali, kekerapan latihan juga perlu dititikberatkan dalam penguasaan bahasa arab. 3 bulan sebelum pertandingan latihan boleh dilakukan sebanyak 2 kali seminggu manakala 1 bulan sebelum, latihan boleh lebih dikerapkan lagi.</p>
---	---

Respondent 5:

Pensyarah Kanan

Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Arab,

Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan Abdulhamid AbuSulayman

Merangkap Jurulatih Debat Bahasa Arab UIAM Gombak

<p>Apakah ciri dan strategi penguasaan bahasa untuk digunakan oleh pendebat yang berjaya?</p>	<p>Seperti yang saya sebut tadi masa soalan sebelum ini, pendebat yang berjaya</p>
---	--

	<p>menguasai bahasa ini, tak memandai-mandai. Mereka ada kemahuan untuk “improve” bahasa mereka. Apa yang saya nampak, mereka “improve” bahasa mereka dengan debat bahasa arab, lengkok bahasanya dan istilah debat yang biasa digunakan. Selalunya, saya akan ingatkan mereka untuk jangan terjemahkan sesuatu perkara secara “direct”. Sebab selalunya, gaya bahasa debat arab dan melayu berbeza. Adakalanya ia tidak digunakan dalam budaya debat arab. Jadi, pelajar perlu ada keinginan dan kesungguhan untuk perbaiki laras bahasa mereka.</p>
--	---

UNIVERSITI SAINS ISLAM
جامعة العلوم الإسلامية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

Tajuk Kajian: Analisis Keperluan dalam Pembinaan Modul Debat Bahasa Arab Dalam Kalangan Pendebat Bukan Penutur Jati

Objektif: Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui kelemahan, keperluan dan cadangan kandungan yang sesuai untuk diletakkan dalam sesuatu pembentukan dan pembinaan Modul Debat Bahasa Arab menurut pandangan pihak tuan sebagai jurulatih debat yang berpengalaman.

Respondent 1:

Bekas jurulatih debat bahasa Arab, UIAM Pagoh

Tahun 2018

Bolehkah anda memberikan contoh tugas tertentu atau aktiviti perbahasan yang anda ingin sertai semasa latihan?	Antara aktiviti perbahasan yang ingin sertai semasa latihan adalah mock debate dan debat kilat yang mana mereka mendapat komentar oleh pendebat yg mahir dan berpengalaman setelah selesai melakukan aktiviti ini. Saya percaya bahawa kedua-dua aktiviti ini mampu menambah baik kemahiran yang perlu ada semasa berdebat.
--	---

Respondent 2:

Bekas jurulatih debat bahasa Arab, UIAM Pagoh

Tahun 2019-2021

Bolehkah anda memberikan contoh tugas tertentu atau aktiviti perbahasan yang anda ingin sertai semasa latihan?	Antara contoh tugas atau aktiviti perbahasan yang saya ingin sertai semasa latihan: <ol style="list-style-type: none">1) Debat spontan2) Perkongsian tips dari senior debat3) <i>Brainstorming</i>4) <i>Mock Debate</i>
--	---

Respondent 3:

Jurulatih debat bahasa arab di UIAM Kuantan

Bolehkah anda memberikan contoh tugas	Contoh aktiviti latihan debat yang boleh
---------------------------------------	--

<p>tertentu atau aktiviti perbincangan yang anda ingin sertai semasa latihan?</p>	<p>membantu meningkatkan kemahiran perdebatan ialah perdebatan berstruktur tentang isu-isu semasa, menghasilkan hujah bertulis dalam masa terhad, dan merumuskan bidang dan perdebatan spontan secara konsisten.</p>
---	--

Respondent 4:

Jurulatih debat bahasa arab di SMAPL

<p>Bolehkah anda memberikan contoh tugas tertentu atau aktiviti perbincangan yang anda ingin sertai semasa latihan?</p>	<p>Pertama sekali, menonton video perdebatan tempatan dan antarabangsa. Aktiviti ini membolehkan pendebat untuk mencontohi elemen-elemen positif perdebatan yang boleh dicontohi menerusi tontonan video. Kedua, latihan dan bengkel pembinaan dan penulisan hujah dengan cepat. Perkara ini boleh mengasah kemahiran dan pemikiran kritis pelajar dalam merangka isi penghujahan dengan baik bagi memudahkan proses kelancaran penyampaian. Ketiga, latihan pidato spontan bagi setiap pendebat untuk memberikan definisi dan konsep perdebatan juga penting. Aktiviti ini membolehkan pendebat untuk berfikir dengan cepat dan bijak membuat keputusan pada waktu-waktu yang getir dan penting. Akhir sekali, latihan pengucapan awam di perhimpunan atau pada beberapa kumpulan pelajar lain berdasarkan tajuk yang diberikan. Aktiviti ini memberikan keyakinan dan pendedahan kepada pelajar untuk memberikan ucapan dengan penuh keyakinan dan keberanian.</p>
---	--

Respondent 5:

Pensyarah Kanan

Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Arab,

Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan Abdulhamid AbuSulayman

Merangkap Jurulatih Debat Bahasa Arab UIAM Gombak

Bolehkah anda memberikan contoh tugas tertentu atau aktiviti perbahasan yang anda ingin sertai semasa latihan?

Antara perkara yang saya buat adalah dengan mengikut kemampuan pelajar dan tahap mereka. Bagi pelajar baru, saya akan fikirkan modul-modul yang khusus kepada pementapan bahasa. Saya akan ambil gambar, dari mana-mana sumber dan saya akan minta mereka untuk “describe” gambar itu. Kemudian, ambil dua gambar yang berbeza dan saya akan minta mereka huraikan kelebihan gambar A dan kelebihan gambar B. Kadang, saya minta mereka huraikan juga kekurangan antara kedua-dua gambar tersebut. Jadi, dengan aktiviti begini saya telah masukkan elemen perbandingan dengan menggunakan gambar, tujuannya untuk mereka setidaknya bercakap dan ada unsur-unsur debat. Saya akan minta mereka respon seperti dalam debat juga. Jadi saya akan minta mereka utarakan sebab kenapa mereka setuju dan kenapa tidak. Dengan membuat satu premis seperti dalam debat, kita akan mengetahui kemampuan mereka berdebat dengan “simple” walaupun belum menggunakan topik dan usul debat lagi. Contoh saya kata, “pelajar tak perlu dapatkan ilmu di IPT, setuju atau tidak? Kalau setuju, kenapa? Kalau tidak setuju, kenapa?” Aktiviti ini mudah tapi ia membentuk pemikiran pelajar dan melatih respon pelajar dengan membuat “argument” dan premis tanpa menggunakan usul debat yang berat dan besar. Kemudian, boleh juga buat aktiviti berkaitan “brainstorm” isu. Aktiviti macam ni, lebih “advance” dan bagi yang ada pengalaman debat. Contohnya, isu isu baru atau isu lama. Mereka perlu bincang untuk senaraikan “pros” dan “cons”. Contoh saya kata, isu “AI dalam pendidikan”. Penggunaan AI dalam universiti seperti Chatgpt, apakah “pros”? Apakah “cons”? Kita minta pelajar untuk “brainstorm” dan “present” guna bahasa arab. Kemudian, untuk meningkatkan pengetahuan isu-isu semasa dan saya pernah buat aktiviti ni. Saya akan ambil satu istilah dan minta pelajar untuk terangkan, contohnya terma komunisme. Jadi, pelajar perlu jelaskan

	<p>pemahaman dan definisi mereka sendiri. Sebab dalam debat, kita kena galakkan pelajar untuk ungkapkan terma terma seperti ini mengikut kefahaman mereka sendiri. Hal ini penting untuk definisi perkataan dalam debat.</p>
--	--

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

Tajuk Kajian: Analisis Keperluan dalam Pembinaan Modul Debat Bahasa Arab Dalam Kalangan Pendebat Bukan Penutur Jati

Objektif: Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui kelemahan, keperluan dan cadangan kandungan yang sesuai untuk diletakkan dalam sesuatu pembentukan dan pembinaan Modul Debat Bahasa Arab menurut pandangan pihak tuan sebagai jurulatih debat yang berpengalaman.

Respondent 1:

Bekas jurulatih debat bahasa Arab, UIAM Pagoh

Tahun 2018

Adakah terdapat sumber pendidikan (latihan) atau kaedah pengajaran khusus yang anda dapati paling berkesan dalam latihan perbahasan? Apakah contohnya?	Saya yakin dan pasti bahawa dengan menyertai pertandingan itu adalah salah satu kaedah yang paling berkesan untuk memantapkan perbahasan mereka. Hal ini kerana dengan adanya pertandingan mereka akan lebih fokus untuk menambah baik kemahiran berdebat mereka. Selain itu dengan adanya pertandingan mereka akan lebih banyak membaca isu semasa dan memperdebatkan tentang isu itu.
--	---

Respondent 2:

Bekas jurulatih debat bahasa Arab, UIAM Pagoh

Tahun 2019-2021

Adakah terdapat sumber pendidikan (latihan) atau kaedah pengajaran khusus yang anda dapati paling berkesan dalam latihan perbahasan? Apakah contohnya?	Secara peribadi, saya merasakan latihan berfokus antara kaedah yang berkesan sebagai latihan perbahasan. Latihan yang fokusnya untuk aktiviti <i>Mock Debate</i> dan pertandingan yang terdekat misalnya akan menjadikan pendebat lebih fokus dan mempunyai tujuan. Pendebat muda dan kurang pengalaman juga secara tidak langsung mempunyai matlamat jelas.
--	--

Respondent 3:

Jurulatih debat bahasa arab di UIAM Kuantan

<p>Adakah terdapat sumber pendidikan (latihan) atau kaedah pengajaran khusus yang anda dapati paling berkesan dalam latihan perbahasan? Apakah contohnya?</p>	<p>Sumber pendidikan yang bagi hemat saya berkesan termasuk latihan yang melibatkan penulisan teks debat berbentuk skrip dan rakaman perdebatan bagi pendebat baharu, dan pelbagai bahan pembelajaran interaktif seperti debat spontan, latihan pengucapan serta perbincangan tentang isu-isu dalam debat.</p>
---	--

Respondent 4:

Jurulatih debat bahasa arab di SMAPL

<p>Adakah terdapat sumber pendidikan (latihan) atau kaedah pengajaran khusus yang anda dapati paling berkesan dalam latihan perbahasan? Apakah contohnya?</p>	<p>Saya menggunakan panduan yang dilakukan oleh researcher dari Indonesia yang telah menerbitkan artikel berkenaan pidato bahasa Arab. Saya sertakan pautan di sini: Pembelajaran Debat Bahasa Arab Melalui Model International Universities Arabic ... http://prosiding.arab.um.com/index.php/konasbara/article/download/131/123</p>
---	---

Respondent 5:

Pensyarah Kanan

Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Arab,

Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan Abdulhamid AbuSulayman

Merangkap Jurulatih Debat Bahasa Arab UIAM Gombak

<p>Adakah terdapat sumber pendidikan (latihan) atau kaedah pengajaran khusus yang anda dapati paling berkesan dalam latihan perbahasan? Apakah contohnya?</p>	<p>Mungkin boleh rujuk kepada buku yang dikeluarkan oleh Qatar Debate. Buku ini lebih disarankan untuk budak sekolah. Buku ini sebagai alat bantu dan rujukan tambahan kepada guru untuk guna sebagai latihan. Buku ini ada banyak tajuk dan beberapa aktiviti cadangan yang boleh digunakan. Selain itu, saya tak jumpa lagi yang terbaiklah. Atau "maybe" boleh guna video youtube seperti</p>
---	--

	<p>channel Qatar Debate, ustaz-ustaz lain dan beberapa negara di Oman, Jordan dan sebagainya. Mereka ada kelab debat yang kuat dan video yang boleh digunakan sebagai bantuan latihan.</p>
--	--

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA